

SISTEM BERASASKAN WEB UNTUK PEMILIHAN TARIKH BAGI PENGURUSAN ACARA BERBILANG PESERTA (P-TIME)

SI SHIN LING

SYAIMAK ABDUL SHUKOR

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

ABSTRAK

Pengaturan jadual untuk acara atau pertemuan yang melibatkan berbilang peserta telah menjadi satu cabaran yang semakin kompleks. Perbezaan jadual individu dan zon waktu, mencari tarikh dan masa yang sesuai untuk semua peserta boleh menjadi tugas yang mengambil masa. Sistem berasaskan web untuk pemilihan tarikh bagi acara berbilang peserta (P-Time) adalah satu platform yang boleh digunakan oleh penganjur dan peserta untuk menyelaraskan jadual acara atau pertemuan yang melibatkan berbilang peserta. Tujuan P-Time dibangunkan adalah untuk memudahkan penganjur dan peserta menentukan waktu yang paling sesuai untuk sebuah acara atau pertemuan berdasarkan ketersediaan masing-masing dengan mudah dan cekap. Selain itu, laman web ini menjimatkan masa kerana penganjur acara tidak perlu bertanya kepada peserta satu persatu bila mereka boleh menghadiri acara tersebut. Semua peserta boleh memilih masa yang sesuai antara tarikh yang dipilih oleh penganjur acara. Penganjur acara dan peserta boleh mendapatkan pemberitahuan tentang masa acara melalui tapak web. Di samping itu, P-Time boleh mengurangkan konflik dalam kalangan peserta dan meningkatkan kecekapan kerja. P-Time akan membantu menentukan tarikh yang sesuai untuk kebanyakan orang. Penganjur acara dan peserta tidak perlu membincangkan tarikh acara secara bersemuka, mereka boleh mengundi secara terus melalui sistem, dan sistem akan memberikan keputusan secara langsung. P-Time membenarkan penganjur acara mencadangkan beberapa tarikh dan masa berbeza untuk acara mereka. Peserta boleh memilih tarikh dan masa yang sesuai untuk mereka. Sistem akan mengira dan menentukan tarikh dan masa yang paling sesuai berdasarkan maklum balas peserta dan merekodkan aktiviti dan pemilihan tarikh organisasi. Perisian yang digunakan untuk membangunkan P-Time ialah Sublime Text, FileZilla dan phpMyAdmin. Metodologi Agile juga akan digunakan semasa membangunkan P-Time. Melalui P-Time, tarikh dan masa acara boleh ditetapkan dengan berkesan, membantu meningkatkan kecekapan pengurusan acara dan pertemuan secara menyeluruh dalam pelbagai organisasi dan industri.

Pengenalan

Dengan globalisasi dan kemajuan teknologi, penjadualan acara atau mesyuarat dengan peserta dari lokasi dan zon waktu yang berbeza telah menjadi semakin rumit. Peserta mungkin

mempunyai masa yang terhad disebabkan oleh kerja, konflik penjadualan atau kekangan masa lain, yang mungkin menghalang mencari slot masa yang sesuai untuk acara bersama. Menghantar jemputan kepada peserta, mengesahkan kehadiran dan menguruskan respons berkaitan kehadiran adalah proses yang memakan masa yang memerlukan penyelarasan yang teliti untuk memastikan semua peserta terlibat. Penganjur acara sering menghadapi cabaran untuk menyelaraskan jadual peserta yang berbeza, mengakibatkan konflik jadual yang menghalang perancangan acara yang lancar. Kesukaran ini selalunya disertai dengan ketidakpastian dan kelambatan dalam proses penjadualan, yang boleh menjejaskan kecekapan dan produktiviti aktiviti.

Sama ada pendidikan, wang, pentadbiran atau acara, kesemuanya sedang menuju ke arah penggunaan teknologi yang semakin meningkat seiring dengan berlalunya masa (Dr. Preeti Arora et al. 2023). Pengguna aplikasi web akan berasa mudah untuk mengakses maklumat yang diberikan oleh syarikat. Aplikasi berasaskan web boleh diakses dalam talian menggunakan pelbagai peranti seperti komputer, komputer riba, telefon pintar, dan pelbagai sistem pengendalian seperti Windows, IOS, Android. Pengguna perlu memuat turun dan memasang aplikasi supaya aplikasi boleh berfungsi dengan baik semasa aplikasi berasaskan desktop dikemaskini. Aplikasi berasaskan web hanya perlu dikemaskini di satu tempat, pada pelayan, dan kemudian setiap pengguna akan mendapat kemaskini yang sama.

Penjadualan yang cekap boleh membawa manfaat yang besar kepada pelbagai kumpulan orang. Keperluan penjadualan yang boleh dicapai oleh orang ramai ialah penyelarasan acara kumpulan. Penjadualan yang cekap boleh mengurangkan halangan komunikasi dan masalah mencari masa yang sesuai untuk semua orang dan membantu kumpulan besar untuk mengatur acara atau pertemuan dengan lebih efisien. Tambahan pula, sokongan pendidikan jarak jauh juga merupakan salah satu keperluan penjadualan yang boleh dicapai oleh orang ramai. Ini telah memastikan semua pihak yang terlibat boleh mengambil bahagian dalam pembelajaran secara lancar dengan membantu guru dan pelajar dalam pengaturan jadual kursus, kuliah dan tutorial dalam konteks pendidikan jarak jauh.

Sistem pemilihan tarikh bagi acara berbilang peserta akan dibangunkan untuk mengatasi cabaran tersebut. Laman web ini adalah satu platform yang boleh digunakan oleh penganjur dan peserta untuk menyelaraskan jadual acara atau pertemuan yang melibatkan berbilang peserta. Laman web ini dibangunkan adalah untuk memudahkan penganjur dan peserta menentukan waktu yang paling sesuai untuk sebuah acara atau pertemuan berdasarkan ketersediaan masing-masing dengan mudah dan cekap. Selain itu, laman web ini menjimatkan masa kerana penganjur acara tidak perlu bertanya kepada peserta satu persatu bila mereka boleh menghadiri acara tersebut. Semua peserta boleh memilih masa yang sesuai antara tarikh yang dipilih oleh penganjur acara. Penganjur acara dan peserta boleh mendapatkan pemberitahuan tentang masa acara melalui tapak web. Di samping itu, pengguna boleh menggunakan platform ini untuk mengurangkan konflik dalam kalangan peserta dan meningkatkan kecekapan kerja. Sistem ini akan membantu menentukan tarikh yang sesuai untuk kebanyakan orang. Sistem pemilihan tarikh bagi acara berbilang peserta boleh menetapkan tarikh dan masa acara atau perhimpunan dengan berkesan, membantu

meningkatkan kecekapan pengurusan acara dan pertemuan secara menyeluruh dalam pelbagai organisasi dan industri.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang akan digunakan untuk membangunkan sistem pemilihan tarikh bagi acara berbilang peserta (P-Time) ialah Metodologi Agile. Metodologi Agile adalah ideologi aliran kerja yang menekankan penambahbaikan kitaran, kerjasama dan penyesuaian yang kerap untuk menyelesaikan masalah. Metodologi Agile digunakan terutamanya semasa pembangunan perisian atau pengurusan projek dan cuba menambah baik kitaran kerja dengan mendayakan penyampaian projek yang pantas dan berkualiti tinggi. Rajah 1.1 menunjukkan metodologi agile dan terdapat 5 fasa dalamnya iaitu perancangan, reka bentuk, pembangunan, pengujian, dan maklum balas.

Metodologi Agile digunakan untuk membangunkan sistem ini kerana dapat mengurangkan risiko. Metodologi ini memberi tumpuan kepada tugas dalam larian pecut kecil. Ini memastikan penghantaran berterusan dan prestasi tanpa gangguan, menjaga kualiti produk. Selain itu, Metodologi Agile boleh meningkatkan fleksibiliti. Melaksanakan pengurusan method ini boleh membangunkan penyelesaian kepada masalah yang timbul. Selain itu, salah satu perkara yang menjadikan Agile digunakan ialah meningkatkan kepuasan pelanggan. Agile memberikan pelanggan sesuatu yang teratur dan berstruktur untuk menyesuaikan diri dengan keperluan dan keadaan mereka yang berubah-ubah.

Fasa Perancangan/Analisis

Fasa perancangan ini bertujuan untuk membuat analisis keperluan dalam membangunkan sistem pemilihan tarikh acara berbilang peserta. Dalam fasa ini, pernyataan masalah, cadangan penyelesaian, objektif dan juga skop projek telah dikenal pasti. Selain itu, analisis perlu dijalankan untuk mengenal pasti keperluan bagi pembangunan sistem pemilihan tarikh acara. Cara untuk mendapat maklumat dalam pembangunan sistem pemilihan tarikh acara ialah menyelidiki sistem sedia ada dan menjalankan soal selidik. Cara-cara tersebut akan dapat membantu untuk memahami keperluan pengguna sistem pemilihan tarikh bagi acara berbilang peserta. Keperluan dan spesifikasi sistem akan ditentukan dalam fasa ini sebelum pembangunan sistem. Alat yang akan digunakan dalam pembangunan sistem ini ialah phpMyAdmin.

Fasa Reka Bentuk

Dalam fasa ini, proses reka bentuk, antara muka dan pangkalan data akan dijalankan. Reka bentuk antara muka yang mudah difahami penting untuk sistem supaya sistem yang dibangunkan mudah diguna oleh pengguna dan kelihatan menarik. HTML akan digunakan dalam membangunkan sistem ini. HTML dapat digunakan pada semua browser dan digunakan secara mudah berdasarkan strukturnya yang rapi dan konsisten.

Fasa Pembangunan

Pada peringkat ini, sistem yang dikenal pasti akan digunakan untuk pembangunan operasi. Dalam metodologi agile yang telah dipilih untuk membangunkan sistem pemilihan tarikh acara, pembangunan modul yang berbeza boleh dilaksanakan dalam masa yang sama. Apabila mempunyai masalah, pembangunan sistem boleh kembali ke fasa reka bentuk untuk mencari sebab dan boleh membuat pelarasan.

Fasa Pengujian

Sistem yang dibangunkan akan menjalankan pengujian supaya tiada masalah akan berlaku semasa pengguna menggunakan sistem tersebut. Fungsi penciptaan tinjauan pendapat merupakan fungsi utama sistem. Oleh itu, pengujian tentang fungsi ini adalah penting. Di samping itu, pengujian sistem dijalankan untuk memastikan antara muka sistem mudah difahami dan fungsi-fungsi mudah digunakan oleh pengguna.

Fasa Maklum Balas

Fasa maklum balas merupakan fasa yang akhir bagi metodologi agile. Sistem yang dibangunkan akan dinilai oleh pengguna. Pengguna sistem ini akan memberi maklum balas terhadap sistem ini. Semua maklum balas yang diberikan akan dikumpul supaya dapat menambah baik sistem tersebut dan dapat memuaskan hati pengguna.

Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah untuk mengumpulkan data atau mendapatkan keperluan pengguna ialah melalui soal selidik. Selain itu, soal selidik ini dilaksanakan atas tujuan menyelidik kekerapan penggunaan sistem pemilihan tarikh acara dalam kalangan responden serta cadangan-cadangan yang dapat diperbaiki pada sistem yang sedia ada. Soal selidik yang diedarkan adalah dibina melalui Google Form. Dengan Google Form, graf atau carta telah dihasilkan untuk setiap item dengan data yang telah diberikan oleh responden untuk tujuan analisis. Data yang dikumpul akan memberikan idea dalam membangunkan fungsi sistem yang dapat memenuhi keperluan pengguna.

Kaedah yang sama juga digunakan untuk pengujian kebolegunaan dimana terdapat 6 bahagian dalam soal selidik ini. Bahagian A merangkumi soalan untuk mencatatkan demografi responden. Dari Bahagian B hingga Bahagian E, soalan dibahagikan kepada beberapa bidang: Kebolegunaan Sistem, Kemudahan Penggunaan, Kecekapan Pembelajaran, dan Kepuasan. Setiap sesi terdiri daripada sekurang-kurangnya empat soalan untuk mengumpul maklum balas daripada pengguna dan digunakan sebagai rujukan untuk penambahbaikan sistem yang akan datang. Bahagian yang akhir, Bahagian Cadangan ialah soalan terbuka untuk mendapat pandangan responden terhadap sistem P-Time dengan lebih terperinci. Tujuan soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklum balas pengguna dan penilaian kebolegunaan sistem yang telah dibangun.

Data yang diterima daripada penilaian kebolegunaan dianalisis melalui kaedah analisis data yang bernama statistik deskriptif dengan menggunakan skor min bagi setiap aspek. Jadual 1 menunjukkan Tafsiran Skala Skor Min.


Jadual 1 Tafsiran Skala Skor Min

Skor Min	Tafsiran
1.00 – 2.32	Rendah
2.33 – 3.65	Sederhana
3.66 – 5.00	Tinggi

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN


Sistem Berasaskan Web untuk Pemilihan Tarikh bagi Pengurusan Acara Berbilang Peserta (P-Time) telah berjaya dibangunkan dan semua dokumentasinya telah dilengkapkan. Semasa proses pembangunan, bahasa yang akan digunakan bagi sistem ini ialah HTML dan PHP. Perisian yang digunakan untuk membangunkan laman web ini ialah Sublime Text, FileZilla dan phpMyAdmin. Sistem ini akan dibangunkan dalam bahasa Inggeris kerana bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi yang biasa di dunia teknologi. Menggunakan bahasa Inggeris memudahkan integrasi dengan alat dan teknologi lain, serta mendapatkan sokongan dan maklumat daripada sumber luar.

Antara muka pertama sistem P-Time ialah halaman utama yang dipaparkan apabila pengguna mengakses sistem. Rajah 1 merupakan antara muka halaman utama sebelum log masuk bagi sistem P-Time. Dari halaman ini, pengguna boleh melihat maklumat tentang sistem, log masuk, daftar akaun baru dan panduan pengguna.




Rajah 1 Antara Muka Halaman Utama Sebelum Log Masuk P-Time

Rajah 2 merupakan antara muka halaman utama selepas log masuk bagi sistem P-Time. Dari halaman ini, pengguna boleh melihat maklumat tentang sistem, akaun pengguna, butang mencipta tinjauan pendapat baru, panduan pengguna, ikon notifikasi, ikon profil dan ikon log keluar.



Rajah 2 Antara Muka Halaman Utama Selepas Log Masuk P-Time

Rajah 3 menunjukkan panduan pengguna sebelum log masuk. Halaman ini dihasilkan untuk membantu pengguna yang tidak faham cara menggunakan sistem ini. Halaman panduan pengguna akan muncul selepas pengguna menekan “User Guide” dalam rajah 1.




Rajah 3 Antara Muka Panduan Pengguna Sebelum Log Masuk P-Time

Rajah 4 menunjukkan panduan pengguna selepas log masuk P-Time. Halaman ini akan muncul selepas pengguna menekan “User Guide” dalam rajah 2.




Rajah 4 Antara Muka Panduan Pengguna Selepas Log Masuk P-Time

Rajah 5 menunjukkan antara muka log masuk dalam sistem P-Time. Halaman ini akan muncul selepas pengguna menekan “Login/Sign Up” dalam rajah 1 dan rajah 3. Halaman ini adalah untuk memberi pengguna untuk log masuk P-Time.




Rajah 5 Antara Muka Log Masuk P-Time

Rajah 6 merupakan antara muka mendaftar akaun bagi sistem P-Time. Halaman ini ialah akan muncul selepas pengguna menekan “Don't have an account? Create account” dalam rajah 5. Halaman ini adalah untuk memberi pengguna untuk mendaftar akaun baru. Pengguna boleh menekan “Already have an account? Log in” untuk pergi halaman log masuk.




Rajah 6 Antara Muka Daftar Akaun P-Time

Rajah 7 merupakan antara muka selepas pengguna log masuk sistem. Pengguna menekan butang hamburger untuk membuka bar sisi sistem. Selain itu, pengguna boleh menekan butang "Create new event" untuk mencipta tinjauan pendapat baru dan menekan butang "My event" untuk melihat acara yang terlibat.




Rajah 7 Antara Muka Selepas Log Masuk P-Time

Rajah 8 menunjukkan halaman selepas pengguna menekan butang hamburger..




Rajah 8 Antara Muka Hamburger P-Time

Rajah 9 menunjukkan halaman mencipta tinjauan pendapat P-Time. Penganjur perlu mengisi tajuk dan nama sendiri semasa mencipta tinjauan pendapat. Untuk maklumat pengundian lanjut, penganjur boleh memilih sama ada untuk mengisi atau tidak. Selepas siap mengisi maklumat yang diperlukan, tekan butang “Next”.




Rajah 9 Antara Muka Mencipta Tinjauan Pendapat P-Time

Rajah 10 menunjukkan halaman mencipta tinjauan pendapat P-Time yang penganjur perlu memilih beberapa tarikh, masa dan lokasi. Penganjur boleh memilih sama ada untuk mengisi tarikh akhir untuk acara. Tekan “Create poll” untuk menghabiskan langkah mencipta tinjauan pendapat baru.




Rajah 10 Antara Muka Mencipta Tinjauan Pendapat P-Time (pilih tarikh dan masa)

Rajah 11 menunjukkan halaman selepas habis mencipta tinjauan pendapat P-Time. Pautan jemputan akan dijana secara automatik selepas penganjur menekan "Create Poll". Penganjur boleh menghantar jemputan undian kepada peserta dengan memberi pautan kepada peserta. Selepas menekan butang "Close", halaman selepas pengguna log masuk sistem iaitu rajah 7 akan muncul.




Rajah 11 Antara Muka Hantar Jemputan Undian P-Time

Rajah 12 menunjukkan penglibatan pengguna dalam tinjauan pendapat. Halaman ini akan muncul selepas pengguna menekan butang "My event" di halaman selepas log masuk atau "History" yang berada dalam bar sisi sistem. Pengguna dapat melihat tinjauan pendapat yang pernah terlibat dan boleh menekan acara tersebut untuk melihat butiran acara dan tinjauan langsung acara tersebut.




Rajah 12 Antara Muka Acara Pengguna P-Time

Rajah 13 menunjukkan butiran acara dan tinjauan langsung acara yang terlibat sebagai peserta. Pengguna boleh menekan “Back to Events” untuk balik ke halaman acara pengguna.



Rajah 13 Antara Muka Butiran Acara P-Time (Peserta)

Rajah 14 menunjukkan butiran acara dan tinjauan langsung acara yang terlibat sebagai penganjur acara. Penganjur acara mempunyai ikon kongsi acara untuk menyalin pautan jemputan acara. Selain itu, penganjur acara juga mempunyai butang “Confirm Event” untuk mengesahkan tarikh, masa dan lokasi acara. Selepas acara disahkan, pengundian tidak boleh dilakukan lagi.




Rajah 14 Antara Muka Butiran Acara P-Time (Penganjur)

Rajah 15 merupakan antara muka halaman profil pengguna. Pengguna boleh menukar gambar, nama, emel dan kata laluan melalui halaman ini.



Rajah 15 Antara Muka Halaman Profil P-Time

Rajah 16 merupakan halaman notifikasi sistem. Pengguna boleh melihat acara terlibat yang sudah disahkan oleh penganjur acara.



Rajah 16 Antara Muka Notifikasi P-Time

Rajah 17 merupakan halaman keputusan tinjauan acara yang telah disahkan oleh penganjur. Halaman ini akan muncul selepas pengguna menekan notifikasi yang ingin di rajah 16.



Rajah 17 Antara Muka Keputusan Acara yang Telah Disahkan P-Time

Kesimpulannya, antara muka yang baik sangat penting dalam projek ini. Antara muka yang intuitif dan mudah difahami membantu pengguna melakukan tugas tanpa melalui proses yang rumit.

Pengujian Kebolehgunaan

Pengujian kebolehgunaan ialah satu proses yang melibatkan pengujian akhir yang dilaksanakan oleh pengguna untuk memastikan sistem yang dibangunkan mampu menyediakan fungsi yang diperlukan sebelum ia dikeluarkan kepada umum. Tujuan pengujian kebolehgunaan adalah untuk menilai kebolehgunaan sistem, mengumpul data kuantitatif, dan menilai kepuasan pengguna.

Jadual 2 menunjukkan skor min bagi aspek pertama yang diuji iaitu kebolehgunaan sistem. Faktor kebolehgunaan sistem penting untuk mengetahui tahap kebolehgunaan sistem bagi pengguna. Nilai purata bagi faktor ini ialah 4.43, menunjukkan majoriti pengguna telah memberi markah 4 dan ke atas.

Jadual 2 Skor Min Faktor Kebolegunaan Sistem

Soalan	Purata
Sistem ini dapat digunakan untuk mencipta tinjauan pendapat.	4
Sistem ini dapat digunakan untuk membuat undian.	4.80
Sistem ini dapat memaparkan semua acara yang terlibat.	5
Sistem ini dapat melihat tinjauan langsung acara.	4
Sistem ini dapat memudahkan saya untuk mencapai objektif saya.	4.40
Sistem ini dapat menjimatkan masa saya.	4.40
Purata Keseluruhan	4.43

Jadual 3 menunjukkan skor min bagi aspek kedua yang diuji iaitu kemudahan kegunaan. Soalan yang diberikan adalah tentang pendapat pengguna terhadap tahap kemudahan semasa menggunakan sistem P-Time. Nilai purata dalam bahagian ini adalah 4.20. Majoriti pengguna bersetuju dengan sistem ini mudah untuk digunakan.

Jadual 3 Skor Min Faktor Kemudahan Kegunaan

Soalan	Purata
Saya dapat menggunakan sistem ini tanpa panduan.	3.60
Saya dapat mencipta tinjauan pendapat dengan pantas dan lancar.	4.20
Saya dapat melihat butiran acara yang telah terlibat dengan jelas.	4.60
Saya dapat menukar undian yang telah buat dengan senang.	4.40
Purata Keseluruhan	4.20

Jadual 4 menunjukkan skor min bagi aspek ketiga yang diuji iaitu kecekapan pembelajaran. Dalam bahagian ini, pendapat pengguna dari segi kecekapan pembelajaran akan dikumpul. Nilai purata dalam bahagian ini adalah 4.65. Kebanyakan pengguna memberi markah 4 dan ke atas iaitu setuju dan sangat setuju.

Jadual 4 Skor Min Faktor Kecekapan Pembelajaran

Soalan	Purata
Saya dapat menguasai sistem ini dengan pantas.	4.40
Kaedah kemasukan input dan fungsi butang dalam sistem ini adalah senang untuk difahami.	4.60
Saya boleh mengingat cara penggunaan sistem ini dengan mudah.	4.80
Saya boleh belajar menggunakan sistem ini dengan mudah.	4.80
Purata Keseluruhan	4.65

Jadual 5 menunjukkan skor min bagi aspek seterusnya yang diuji iaitu kepuasan pengguna terhadap keseluruhan sistem. Nilai purata keseluruhan merekodkan 4.48. Nilai purata ini menunjukkan pengguna berpuas hati dengan sistem P-Time.

Jadual 5 Skor Min Faktor Kepuasan

Soalan	Purata
Saya rasa selesa menggunakan sistem ini.	4.60
Sistem ini berfungsi seperti jangkaan saya.	4.40
Saya berpuas hati dengan sistem ini.	4.40
Saya akan menggunakan sistem ini sekiranya dilancar.	4.40
Saya akan mencadangkan sistem ini kepada rakan saya.	4.60
Purata Keseluruhan	4.48

Jadual 6 menunjukkan cadangan penambahbaikan yang diberikan daripada pengguna. Terdapat empat cadangan telah diberi daripada pengguna.

Jadual 6 Cadangan Penambahbaikan

Cadangan
Add some columns for event like M Excel.
Antara muka semasa tiada acara terlibat pada page my event boleh ditambah baik lagi.
Improve user interface design.
Tambah forget password.

Kesimpulannya, kebanyakan responden telah memberi markah 4 dan ke atas bagi semua soalan. Kebanyakan responden bersetuju bahawa sistem *P-Time* boleh diguna dengan mudah, boleh belajar mengguna sistem dengan cepat dan berpuas hati semasa menggunakan sistem ini. Cadangan yang diberikan daripada responden kebanyakannya adalah tentang antara muka, mempunyai satu cadangan yang berkenaan fungsi sistem iaitu fungsi semasa pengguna melupakan kata kunci.

Cadangan Penambahbaikan

Selepas menjalankan kajian yang menyeluruh, cadangan untuk menambahbaik permainan serius ini pada masa hadapan adalah dengan menambah fungsi memautkan Google Calendar dengan sistem. Fungsi ini dapat memudahkan pengguna untuk mengetahui tarikh dan masa acara yang terlibat. Selain itu, menambah fungsi notifikasi melalui emel dalam sistem. Fungsi ini akan memudahkan pengguna mengetahui keputusan tinjauan yang terlibat. Pengguna tidak perlu log masuk sistem untuk mendapatkan keputusan. Tambahan pula, penambahan fungsi menukar kata kunci akaun semasa pengguna lupa kata kunci akaun dalam sistem. Fungsi ini dapat memudahkan pengguna semasa melupakan kata kunci. Ini dapat mengelakkan pengguna untuk mendaftar akaun baru semasa melupakan kata kata kunci. Di samping itu, antara muka sistem boleh ditambah baik terutamanya halaman melihat acara yang terlibat. Antara muka yang menarik boleh menarik perhatian pengguna untuk menggunakan sistem.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, sistem berasaskan web untuk pemilihan tarikh bagi pengurusan acara berbilang peserta (*P-Time*) telah berjaya dibangunkan. Sistem *P-Time* boleh memudahkan

pengguna dalam menganjur acara yang melibatkan berbilang peserta. Selain itu, keputusan tinjauan bagi setiap acara akan diberikan secara langsung, penganjur tidak perlu mengira undian peserta secara manual. Ini dapat mengelakkan kecuaiian manusia berlaku supaya jadual kerja yang dilakukan tersusun. Di samping itu, sistem ini boleh mengemaskini undian peserta dengan cepat apabila jadual acara atau undian peserta berubah. Pengguna juga dapat melihat tinjauan langsung acara dengan menggunakan sistem ini.

Kekuatan Sistem

Kekuatan sistem yang pertama ialah sistem ini lebih mudah untuk pengguna mencari kembali acara yang terlibat dengan mudah kerana semua pengguna mesti mempunyai akaun sebelum menggunakan sistem ini. Tambahan pula, penganjur boleh menjemput peserta dengan pautan jemputan. Ini telah memudahkan penganjur semasa menghantar jemputan kepada peserta untuk membuat undian. Jemputan melalui emel sangat menyusahakan penganjur kerana jemputan mesti dihantar kepada semua peserta melalui emel, ini bermaksud penganjur mesti mengetahui emel setiap peserta. Akhir sekali, P-Time tidak ada iklan semasa digunakan. Iklan memberi kesan kepada pengalaman pengguna kerana ia menghalang pengguna daripada melihat keseluruhan antara muka sistem.

Kelemahan Sistem

Sistem yang telah dibangunkan ini mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diatasi. Pertama, ketidakpastian dalam ketersediaan peserta mungkin menyebabkan mereka memilih tarikh dan masa yang tidak tepat, yang boleh menjejaskan kehadiran dan kelancaran acara. Selain itu, pengguna tidak dapat menukar kata kunci akaun semasa lupa kata kunci akaun. Pengguna terpaksa mendaftar akaun baru semasa melupakan kata kunci. Akhir sekali, pengguna perlu log masuk ke sistem untuk mengetahui keputusan tinjauan. Sistem yang dibangunkan tidak dapat memautkan sistem dengan Google Calendar dan tidak dapat menghantar pemberitahuan kepada pengguna melalui e-mel selepas penganjur acara mengesahkan penyiasatan, pemberitahuan acara hanya diberikan dalam sistem.

PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kerana dapat menyiapkan projek tahun akhir saya dengan sempurna dalam jangka masa yang ditetapkan.

Pertama sekali, saya ingin bersyukur kepada Tuhan kerana saya dapat sentiasa sihat dan mempunyai masa untuk menyiapkan projek tahun akhir. Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia projek saya, Dr. Syaimak Abdul Shukor kerana sentiasa membantu saya, memberi nasihat, cadangan penambahbaikan, dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang tempoh penyediaan projek. Dr. Syaimak Abdul Shukor juga telah memberi tunjuk ajar kepada saya untuk menyempurnakan projek ini.

Akhir sekali, saya banyak berterima kasih kepada ahli-ahli keluarga saya kerana sudi menghulurkan pertolongan apabila saya memerlukannya. Mereka sentiasa bersama saya

apabila saya berasa tertekan dalam proses menyiapkan projek. Saya juga berterima kasih kepada kawan-kawan dan pensyarah-pensyarah UKM yang sentiasa memberi bantuan dan ilmu yang membantu saya menjayakan proses persiapan projek ini. Saya berterima kasih dengan ikhlas kepada semua yang membantu saya sepanjang masa ini dan saya amat menghargai jasa semua orang.

RUJUKAN

- Adminlp2m. 2022. Metodologi Agile: Apa Itu dan Bagaimana Cara Kerjanya. <https://lp2m.uma.ac.id/2022/06/27/metodologi-agile-apa-itu-dan-bagaimana-cara-kerjanya/> [October 22nd, 2023].
2022. Apa Manfaat Menggunakan Metodologi Agile? <https://appmaster.io/id/blog/apa-manfaat-menggunakan-metodologi-agile> [October 22nd, 2023].
- Dr. Preeti Arora, Manan Gaur, Hitesh Jaisingh, Ritik Pandey, Tushar Rustagi. 2023. Developing Event Management Web Application. <https://ijcrt.org/papers/IJCRT2306344.pdf> [October 27th, 2023].
2020. Kelebihan Aplikasi Berbasis Web. <https://nore.web.id/kelebihan-aplikasi-berbasis-web/> [October 27th, 2023].
- Nurul Iddayu Bahari Idrus. 2018. Sistem Penjadualan Syif. <https://www.ftsm.ukm.my/v5/file/research/technicalreport/PTA-FTSM-2018-171.pdf> [October 27th, 2023].
- Hospital Management Asia. 2022. An Agile culture – the key to the future of healthcare. <https://www.hospitalmanagementasia.com/zh/tech-innovation/an-agile-culture-the-key-to-the-future-of-healthcare/> [October 27th, 2023].
- Nur Illiyin Kama Azizi Shahrina Shahrani. 2021. Sistem Peminjaman Kemudahan Dan Alatan Sukan UKM Berasaskan Web (UKMSPORT). <https://www.ftsm.ukm.my/v5/file/research/technicalreport/PTA-FTSM-2021-081.pdf> [October 27th, 2023].
- Dziak, Mark. 2023. Website. <https://eds.s.ebscohost.com/eds/detail/detail?vid=8&sid=17055d9b-fe86-49e0-b668-8e7be4f4fe3b%40redis&bdata=JnNpdGU9ZWRzLWxpdmU%3d#AN=89409614&db=ers> [November 11st, 2023].

Si Shin Ling (A186468)

Dr. Syaimak Abdul Shukor

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia